



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (32)04/B/PI/668/2/JIL 2

6 September 2024

Semua Pemegang Lesen

Peniaga Buah Sawit
Peniaga Minyak/Isirung Sawit
Bahan Tanaman Sawit/Nurseri Sawit

Tuan,

**PERINGATAN PENGISIAN MAKLUMAT GUNATENAGA 2024 SECARA ONLINE
(SISTEM E-GUNATENAGA) BAGI SEKTOR PENIAGA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas serta surat Lembaga Ruj. (30)/04/B/PI/668/2 JIL 2 bertarikh 1 Ogos 2024 adalah berkaitan.

2. Seperti yang tuan sedia maklum, tempoh pengisian maklumat gunatenaga 2024 secara *online* melalui sistem e-gunatenaga telah berakhir pada **30 Ogos 2024**. Namun begitu, sehingga kini pihak kami masih **belum menerima maklum balas** daripada pihak tuan.
3. Di bawah *Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005* menyatakan, "**Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi tiap-tiap syarat yang dikenakan berhubung dengan tiap-tiap kategori yang dinyatakan dalam lesen**", dan *Jadual Keenam, Para 5, Syarat-syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen* menyatakan bahawa "**Pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga**".
4. Sementara itu, *Peraturan 21(2), peraturan yang sama* menyatakan "**Seorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya**".



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QAS 02602



18 - 20 November 2025
Kuala Lumpur Convention Centre

5. Sehubungan itu, tuan adalah diberi **PERINGATAN** untuk mengisi maklumat gunatenaga tersebut secara *online* di laman sesawang <https://e-gunatenaga.mpob.gov.my> **SEBELUM ATAU SELEWAT-LEWATNYA PADA 30 SEPTEMBER 2024**. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, pihak tuan adalah dimohon untuk menghubungi pegawai seperti di Lampiran 1. Kegagalan pihak tuan dalam memberikan maklum balas ke atas bancian yang dijalankan ini, boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
NORFADILAH HASHIM

Ketua Unit Pembangunan Industri
Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri
b.p. Ketua Pengarah MPOB

s.k. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
Pengarah Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri
Pengarah Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan
Ketua Unit Penguatkuasaan
Ketua Pejabat Wilayah

AKSES UNTUK LAMAN SESAWANG e-GUNATENAGA

(<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>)

Adalah dimaklumkan Nombor Lesen dan Kata Laluan anda untuk mengakses laman Sesawang e- Gunatenaga (<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>) adalah seperti berikut:

Nombor Lesen : (Seperti yang diberikan oleh MPOB)

Kata Laluan :

- 1) **SEPERTI YANG DIGUNAKAN SEMASA PENGISIAN e-GUNATENAGA PADA TAHUN 2023**
- 2) **BAGI PELESEN BARU, SILA GUNAKAN 123456**



Anda adalah dinasihatkan supaya menukar Kata Laluan dengan segera selepas mengakses laman e-GUNATENAGA.

Nama Pegawai Untuk Dihubungi :

| KATEGORI PENIAGA | NO. TELEFON | EMEL |
|--|----------------|----------------------------|
| <u>PENIAGA BUAH SAWIT</u> | | |
| Cik Rohidayati Sukhaila Sabarudin | 03 - 7802 2991 | rohidayati@mpob.gov.my |
| Cik Siti Nuraisyah Yushaimy (Johor) | 03 - 7802 2916 | siti.nuraisyah@mpob.gov.my |
| <u>PENIAGA MINYAK & ISIRUNG SAWIT</u> | | |
| Pn. Nurul Hufaidah Sharif | 03 - 7802 2824 | hufaidah@mpob.gov.my |
| Cik Nurul Mastura Romli | 03 - 7802 2816 | nurul.mastura@mpob.gov.my |
| <u>BAHAN TANAMAN SAWIT</u> | | |
| Cik Siti Nuraisyah Yushaimy | 03 - 7802 2916 | siti.nuraisyah@mpob.gov.my |
| Pn. Siti Suziyana Mohd Omar | 03 - 7802 2820 | suziyana@mpob.gov.my |